

# PUISI NAZAM MELAKA \*

**ABDUL LATIFF ABU BAKAR**  
*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## Abstrak

Nazam adalah warisan Puisi Melayu yang berkembang di alam Melayu sejak abad ke-15 lagi. Nazam dikaitkan dengan ajaran Islam dan dapat dikategorikan sebagai puisi Melayu berunsur Islam berasal dari Timur Tengah dan tersebar dengan reka cipta yang bersesuaian dengan masyarakat Melayu di rumpun Melayu. Puisi Nazam tersebar luas di Tanah Melayu dan ia berkembang di Melaka pada awal abad 1920an (berdasarkan karya bertulis) dikenali sebagai Nazam Asli. Mulai tahun 1970an, Puisi Nazam ini diperkembangkan oleh tokoh nazam seperti Haji Muhammad Abdullah dan Haji Mohd Yasin dengan mereka cipta Puisi Nazam berdasarkan sesuatu peristiwa seperti menyambut ulang tahun pemimpin, menghargai sumbangan pemimpin, organisasi, kerajaan dan sebagainya. Nazam ini dikenali sebagai Nazam Kreatif yang banyak dihasilkan oleh tokoh nazam di Melaka dan berkembang sehingga sekarang.

## LATAR BELAKANG

Walaupun puisi nazam adalah puisi Melayu yang berkembang di Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan Terengganu namun kajian tentang puisi nazam kurang mendapat perhatian para penyelidik dan sarjana di Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia. Walau bagaimanapun, pengenalan dan analisis tentang nazam dalam bentuk buku telah dimulakan oleh Za'ba dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* pada 1934. Beliau telah menganalisis dan menerangkan peranan dan fungsi nazam di Tanah Melayu, terutama Nazam Sifat Dua Puluh karangan Tuan Guru Haji Mustafa, Linggi.

---

\* Artikel ini berdasarkan Geran Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tahun 2012/13.

Harun Mat Piah pula telah menerangkan pengertian dan fungsi nazam lebih jelas di dalam buku *Puisi Melayu* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Manakala sekumpulan mahasiswa Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (Nazriah Jayos, Noraini Md. Lajis, Rozila Ab.Rashid, Rosmanaliza dan Roziah Yaakob) telah membuat kajian tentang "Nazam – Satu Kajian Terhadap Koleksi Hj Mohd Ali Bachik di Melaka", diterbitkan dalam *Media Warisan Malaysia* terbitan Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya pada tahun 1999. Begitu juga di dalam buku yang sama Mastura Abd. Ghani, Noor Asni Kosmin, Noor Azimah Mohd Ali dan Noor Faezah Mohd Yunus telah membuat kajian nazam bertajuk "Satu Kajian Terhadap Koleksi Hj Mohd Yasin di Melaka" (hal.97).

Mohd Ali Bachik pula telah mengumpul nazam di Melaka dalam bentuk sebuah buku *Nazam di Melaka* pada tahun 2004 dan Zurinah Hassan pula telah menganalisis tentang nazam dalam bukunya bertajuk *Puisi Melayu Tradisional* terbitan DBP pada tahun 2012 (hal. 38-56). Terdapat juga beberapa koleksi nazam yang disimpan oleh guru-guru seperti Ustazah Hajah Ramlah bt Baba di dalam koleksi peribadinya tentang nazam yang bertemakan keislaman.

Di Melaka terdapat tiga tokoh yang terkenal berterusan menghasilkan puisi nazam yang dimulakan oleh Allahyarham Tuan Haji Ahmad bin Abdul Rauf, bekas Mufti Negeri Melaka pada tahun 1920an. Beliau telah menghasilkan tidak kurang 20 puisi nazam yang bertemakan agama. Selepas itu diikuti Allahyarham Tuan Haji Muhammad bin Abdullah, seorang ketua kampung (sidang) yang telah menghasilkan tidak kurang dari 400 nazam (koleksi yang terbanyak di negeri Melaka) dan diikuti Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin bin Ahmad pada awal tahun 2000 sehingga sekarang telah menghasilkan tidak kurang dari 60 puisi nazam.

Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin bin Ahmad telah menghasilkan sebuah buku tentang koleksi nazam ciptaan yang telah diterbitkan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) pada Mac 2013 yang bertajuk *Koleksi Nazam Asli dan Kontemporari*. Berdasarkan ketokohan ketiga-tiga tokoh yang menulis nazam ini, penulis telah menganalisis dan membuat koleksi dalam penyelidikan bertajuk *Puisi Nazam di Melaka*. Allahyarham Tuan Haji Ahmad bin Abdul Rauf hanya mencipta nazam yang bertemakan ajaran Islam untuk tujuan pengajaran kepada pelajar yang mempelajari agama Islam.

Manakala Allahyarham Tuan Haji Muhammad bin Abdullah dan Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin bin Ahmad pula menumpukan perhatian kepada puisi nazam yang bertemakan peristiwa dan perkara-perkara semasa, sejarah, majlis-majlis perasmian, majlis perpisahan dan sebagainya. Kerajaan Negeri Melaka tetap mengiktiraf nazam sebagai Warisan Jati

Diri Negeri Melaka dan ianya didendangkan di majlis–majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kerajaan dan organisasi–organisasi tertentu. Biasanya nazam dicipta dan didendangkan semasa permulaan sesuatu majlis diadakan di samping pembacaan doa.

## **PENGERTIAN NAZAM**

Nazam adalah warisan puisi Melayu yang berasal dari puisi Arab mula berkembang di alam Melayu sejak kedatangan Islam di rumpun Melayu pada abad ke-12. Nazam mula tersebar di Melaka pada abad ke-15 dan berkembang luas di Melaka pada abad ke-20. Ia dipersembahkan atau didendangkan di surau, masjid dan tempat yang sesuai untuk pengajaran yang berkaitan dengan ajaran Islam. Di samping itu, ia didendangkan untuk menidurkan anak–anak di majlis seperti majlis kenduri, perkahwinan dan majlis–majlis tertentu. Sejak tahun 1970an, nazam dipersembahkan pula di majlis–majlis rasmi Kerajaan Negeri Melaka atau pertubuhan di samping pembacaan doa. Di Melaka mengandungi Nazam Asli yang berteraskan dan bertemakan kepada ajaran Islam manakala Nazam Kreatif berdasarkan peristiwa atau kisah semasa yang didendangkan bersama alat muzik bergendang secara berkumpulan yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan warisan seni budaya Melayu.

## **KONSEP NAZAM ASLI DAN NAZAM KREATIF**

Nazam Asli berdasarkan karya Allahyarham Haji Ahmad Abdul Rauf, bekas Mufti Melaka yang pertama (1920an). Nazam ditulis dalam dua baris berangkap dan setiap baris memberi makna manakala di hujung mempunyai suku kata dan bunyi yang sama. Ia didendangkan dalam bentuk lagu yang perlahan dan mendayu (mengikut versi Tanjung Bidara) dan rancak (mengikut versi Serkam) yang bertemakan ajaran agama Islam.

Nazam Kreatif berteras karya Nazam Asli berkaitan dengan ajaran Islam manakala nazam bertemakan peristiwa atau kisah semasa yang berkaitan dengan pengajaran, nasihat dan penghargaan yang tidak bercanggah dengan akidah Islam. Ia didendangkan dalam bentuk lagu secara perlahan atau mendayu dan dendangan yang rancak. Terdapat juga nazam yang didendangkan dengan menggunakan alat muzik pergendangan.

Sejak tahun 1980-an, Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Kebudayaan Negeri Melaka telah mengiktiraf nazam di Melaka seperti butiran berikut:

- i. Nazam sebagai warisan puisi Melayu yang berkembang di Melaka.
- ii. Nazam sebagai kekuatan jati diri rakyat di negeri Melaka.

- iii. Nazam dicipta dan didendangkan berteraskan kepada ajaran agama Islam.
- iv. Nazam dicipta dalam dua baris berangkap dan setiap baris memberi makna yang berkaitan manakala dipenghujungnya mempunyai suku kata dan bunyi yang sama.
- v. Nazam mengandungi enam perkataan dan sebaiknya mengandungi 12 suku kata bagi kesesuaian iramanya apabila dilagukan atau didendangkan.
- vi. Nazam dimulakan dengan selawat dan diikuti pujian kepada Allah s.w.t seperti berikut: *Allah Allah Azawajal Tuhan Kami, Kami minta ampun akan dosa kami* dan diakhiri dengan memohon ampun atau maaf atau mengucapkan penghargaan atau terima kasih kepada pihak yang berkaitan.
- vii. Nazam kreatif dihasilkan berdasarkan kritikan dan penjelasan peristiwa semasa dan boleh didendangkan atau dilagukan dengan menggunakan alat muzik pergendangan yang rancak atau perlahan.
- viii. Persembahan nazam yang berkumpulan (tidak dihadkan) boleh menggunakan gerakan anggota yang sopan mengikut ajaran Islam dan warisan seni budaya Melayu.
- ix. Nazam boleh dipersembahkan oleh seorang atau berkumpulan.
- x. Warisan puisi nazam tetap berteraskan kepada ajaran Islam dan warisan seni budaya Melayu serumpun.

## **PENGGERAK NAZAM DI NEGERI MELAKA**

Antara tokoh puisi Nazam di Melaka yang bergerak cergas ialah Allahyarham Tuan Haji Ahmad bin Abdul Rauf, Allahyarham Tuan Haji Muhammad bin Abdullah dan Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin bin Ahmad.

Nazam yang berasal dari Timur Tengah (Arab) dipercayai tersebar di Melaka sejak ajaran Islam tersebar di Melaka pada tahun 1400. Ia mula diperkembangkan di Melaka oleh Haji Ahmad bin Abdul Rauf, bekas Mufti Negeri Melaka yang pertama pada tahun 1920an. Beliau menghasilkan tidak kurang dari 20 nazam yang berunsurkan ajaran agama Islam untuk tujuan mengajar penuntut tentang agama Islam melalui pembacaan nazam.

Antara nazam ciptaan beliau ialah Nazam Sifat Dua Puluh, Nazam Rukun Islam, Nazam Sifat dan Kisah Nabi, Nazam Nasihat, Nazam Syarat Sembahyang, Nazam Bab–Bab Sembahyang dan sebagainya. Karya dan dendangan nazam ini dikenali sebagai Nazam Asli Negeri Melaka. Antara contoh nazam Asli karya Tuan Haji Ahmad bin Abdul Rauf ialah seperti berikut :-

### **Nazam Sifat Dua Puluh**

*Allah, Allah Azawajal Tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Dengan Allah kami mula nazam ini,  
Sebab dengan Dia jadi kitab ini.*

*Hai saudara kami khabar akan kamu,  
Mengenal Allah fardu 'ain atas kamu.*

*Sabda nabi awalludin ia Makrifah,  
Bukan solat, bukan siam, bukan zakat.*

*Dan yang wajib bagi Allah dua puluh,  
Jangan kurang jangan lalai biar sungguh.*

*Wujud itu erti ada Tuhan kita,  
Yang mustahil sudah nyata pada kita.*

.....

.....

#### **Nazam Sifat dan Kisah Nabi**

*Allah, Allah Azawajal Tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.  
Muhammadar rasulullah, kalimah iman,  
Yang dinamakan ulamak orang iman.*

*Yang terkandung pada itu enam belas,  
Faham kamu baik-baik jangan malas.*

*Siddiq itu makna benar bagi Nabi,  
Yang mustahil dusta ia tiada sekali.*

*Amanah pula satu lagi bagi Nabi,  
Yang mustahil khianat ia jauh sekali.*

*Tabligh pula yang ketiga sifat dia,  
Erti menyampai akan hukum Tuhan dia.*

*Yang keempat sifat dia Fatanah,  
Erti cerdik lagi bijak laksana.*

.....

.....

#### **Nazam Nasihat**

*Allah, Allah Azawajal Tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Alhamdulillah hilqadim kita puji,  
Sebab Dia boleh beri taufiq kami.*

*Hai saudara ini satu nasihat haqir,  
Faham kamu baik-baik ambil fikir.*

*Kita ini akan mati sudahnya,  
Tiada tahu bila datang ajalnya.*

*Ambil bekal kamu pergi negeri orang,  
Kalau tidak kamu hina pada orang.*

*Kalau sungguh kamu yakin akan mati,  
Jangan kamu lalai pada nafsu hati.*

*Benar tidak bila ada bekal kamu,  
Puas hati tiada lagi sesal kamu.*

.....

.....

#### **Haji Muhammad Abdullah (1941-2008)**

Tuan Haji Muhammad Abdullah dilahirkan pada 3 Januari 1941 di Telok Mas, Melaka dan menetap di KM 11, Kampung Bukit Meta, Telok Mas, Melaka. Beliau menerima didikan di Sekolah Kebangsaan Telok Mas sehingga darjah 5 dan giat bermasyarakat di kampungnya.

Sikap beliau yang bertanggungjawab, peramah, lemah lembut dan banyak melakukan kerja-kerja kebajikan mendorong Kerajaan Negeri Melaka melantik Muhammad Abdullah menjadi Sidang atau Ketua Kampung Bukit Meta pada 5 Mac 1990 sehingga 2008. Sejak tahun 1950an, Muhammad Abdullah bergiat cergas dalam parti UMNO dan menjadi Ketua Cawangan Bukit Meta. Beliau setia untuk membantu memajukan Kampung Bukit Meta dan UMNO Bahagian Kota Melaka sehingga ke akhir hayatnya.

Allahyarham Mohamad Abdullah adalah seorang Ketua Kampung yang cergas dan seiring dengan penglibatan beliau menjadi ahli dan pemimpin UMNO yang cergas di kampungnya. Semasa menjadi Sidang, Muhammad menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Ketua-Ketua Kampung (Sidang) negeri Melaka di bawah pimpinan ketua Haji Sharif bin Hussin sejak tahun 1990.

Apabila Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA) ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2000 yang dipengerusikan oleh Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar telah bergiat cergas dalam memartabatkan nazam sebagai agenda utama. ISMMA dipertanggungjawabkan untuk memartabatkan nazam sebagai warisan seni budaya dan jati diri rakyat di negeri Melaka. Bagi mencapai matlamat ini pelbagai program

telah dilaksanakan bagi menghidupkan dan memperkembangkan nazam kepada generasi muda terutama kepada pelajar-pelajar sekolah, belia dan pemimpin-pemimpin masyarakat dengan mengadakan kursus, pertandingan, penyelidikan, rakaman video, DVD dan sebagainya.

Allahyarham Tuan Haji Muhammad Abdullah adalah tokoh yang aktif berpolitik dan telah menghasilkan lebih kurang 350 nazam yang bertemakan ajaran Islam, adat, kepimpinan, peristiwa semasa, politik dan sebagainya. Nazam yang bertemakan ajaran Islam dihasilkan, oleh Muhammad terutama tentang Rukun Islam dan majlis menyambut Maal Hijrah, kelahiran Nabi Muhammad s.a.w dan sebagainya. Di antara nazam tersebut ialah : Nazam Rukun Sembahyang (34), Nazam Rukun Iman (35), Nazam Sembahyang Lima Waktu (36), Nazam Rukun Islam (37), Nazam Doa Berzanji (60), Nazam Halal Haram (92), Nazam Maal Hijrah, Nazam Sifat Dua Puluh (117), Nazam Maulidur Rasul (119), Nazam Contoh Perjuangan Nabi (127), Nazam Jangan Tinggal Sembahyang (284), Nazam Maulidur Rasul (119), Nazam Contoh Perjuangan Nabi (127), Nazam Jangan Tinggal Sembahyang (284). Antara contoh-contoh ciptaan Allahyarham ialah:

### **Nazam Rukun Sembahyang**

*Dengan nazam diberitahu kisah ini,  
Tiga belas perkara rukun sembahyang wajib diketahui.*

*Yang pertama wajib niat di dalam hati,  
Berdiri tegak untuk menghadap Illahi.*

*Jangan ada sebarang hadas jadi sangsi,  
Perkara ini akan dirasa diri ini.*

*Menghadap qiblat pada rukun yang kedua,  
Berdiri betul pada rukun bilangan ketiga.*

*Perkara ini jangan dipandang enteng sahaja,  
Kalau tidak sembahyang kita jadi sia-sia.*

.....  
.....

### **Nazam Halal Haram**

*Menyebut pada halal haram kehidupan kita,  
Kecil besar tua muda harus berjaga.  
Benda haram bukan pada babi sahaja,  
Cakap bohong suka menipu haram juga.*

*Kami nak sebut kisah ini memang banyak,  
Benda haram yang ditegah oleh Syarak.*

*Zaman ini sungguh banyak kami Nampak,  
Dalam kampong tidak sepatat berpuak – puak.*

.....  
.....

Allahyarham turut menulis nazam yang bertemakan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Islam seperti menyambut Hari Raya Aidiladha dan Aidilfitri, sambutan Maal Hijrah (104), Nazam Maulidur Rasul (119), Nazam Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. (120), Nazam Hari Raya (87) dan Nazam Solat Hari Raya (88). Antara contoh ciptaan beliau ialah:

### **Nazam Hari Raya Korban**

*Dengan nazam hamba cerita kisah ini,  
Umat Islam pada menyambut Hari Raya Haji.*

*Dalam setahun orang Islam dua kali raya,  
Raya Haji yang satu lagi Raya Puasa.*

*Aidilfitri pada takbir semalam sahaja,  
Aidiladha sampai pada malam ketiga.*

*Raya Haji sudah dikenal Raya Korban,  
Di Tanah Suci banyak unta ditumbangkan.*

*Nabi Ibrahim Alaiesalam mendapat ujian,  
Menyuruh sembelih anaknya Ismail perintah Tuhan.*

.....  
.....

### **Nazam Sembahyang Raya**

*Dengan nazam hamba cerita kisah ini,  
Sembahyang raya buat pada setahun sekali.*

*Sembahyang raya semua tahu dua raka'at,  
Tidak wajib jatuh pada sunat Aba'at.*

*Raka'at pertama tujuh takbir wajib dibuat,  
Raka'at kedua lima takbir bukan payah sangat.*



*Sesudah sembahyang imam akan membaca khutbah,  
Membaca takbir untuk memuji kebesaran Allah.*

*Memberi nasihat pada semua para jemaah,  
Memohon maaf jika ada melakukan salah.*

.....  
.....

Sifat atau perwatakan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam dan masyarakat Melayu seperti bermain judi, hasad dengki, menderhaka turut mendapat perhatian dalam nazam Allahyarham Tuan Haji Muhammad Abdullah seperti Nazam Jangan Berjudi (121), Nazam Kalah Judi (122), Nazam Hasad Dengki (123), Nazam Jangan Meninggi Diri (148), Nazam Jangan Derhaka (165) dan Nazam Menipu Diri (166). Antara contoh nazam ciptaan beliau ialah seperti berikut:

### **Nazam Jangan Berjudi**

*Dengan nazam hamba cerita kisah ini,  
Nak hidup senang jangan suka bermain judi.*

*Menyebut judi dalam Islam memang melarang,  
Sama ada di jalan gelap ataupun terang.*

*Rahmat Allah di dalam dunia luas terbentang,  
Rajin berusaha kalau kita nak hidup senang.*

*Bermain judi memang banyak macam-macam,  
Ada setengah bertaruh pandai main dam.*

*Bila dah kalah pada fikiran tidak tenteram,  
Dalam hati tetap menaruh perasaan dendam.*

*Paling banyak kami pandang tikam ekor,  
Pada premis tunggu giliran beratur-atu.*

*Tidak kira India, Cina Melayu semuanya campur,  
Pada Melayu tidak takut azab di kubur.*

.....  
.....

### **Nazam Hasad Dengki**

*Dengan nazam hamba cerita kisah ini,  
Ragam hidup pada manusia yang dengki hati.*

*Kami lihat hidup manusia dalam dunia,  
Hidup kaya hidup miskin semua tak kena.*

*Yang hidup dipandang orang sungguh mulia,  
Pada yang miskin orang pandang terlalu hina.*

*Banyak sekali hamba pandang dalam masyarakat,  
Dipandang mata luarnya baik hatinya hasad.*

*Di dalam kata rencong dalam luarnya pepat,  
Sifat begini wahai saudara jangan dibuat.*

*Ada setengah berlumba-lumba mencari senang,  
Hingga sanggup membuat fitnah mengata orang.*

.....

.....

#### **Nazam Jangan Meninggi Diri**

*Dengan nazam hamba cerita kisah ini,  
Hidup kita jangan suka meninggi diri.*

*Wahai sekalian para pendengar yang dihormat,  
Pegangan hidup ikutlah contoh Nabi Muhammad.*

*Hidup kita di dalam dunia sebagai umat,  
Sebab Rasul sebagai punca ibu nikmat.*

*Jika kita seorang pemimpin yang budiman,  
Orang ramai akan setuju beri penghargaan.*

*Akhlak baik hati mulia ada kesopanan,  
Tak kira kampung dalam bandar atau taman.*

.....

.....

#### **Nazam Jangan Menipu Diri**

*Dengan nazam hamba cerita kisah ini,  
Usah diamal suka menipu diri sendiri.*

*Wahai sekalian para pendengar adik dan abang,  
Nazam cerita perkara benar bukan temberang.*

*Menipu isteri banyak sekali dibuat orang,  
Banyak cara ada yang gelap ada yang terang.*

*Maaf cakap nazam cerita kisah lelaki,  
Dah ada isteri dalam hati nak kahwin lagi.*

*Pelbagai cara pelbagai helah akan dicari,  
Supaya dapat tanda tangan pihak isteri.*

.....

.....

Nazam bertemakan adat resam orang Melayu turut mendapat perhatian beliau. Sebagai ketua kampung, Allahyarham turut mempunyai pengetahuan tentang adat Melayu seperti di majlis pertunangan, kenduri-kendara, perkahwinan, cukur jambul, malam berinai dan sebagainya. Di antara nazam yang telah dihasilkan oleh beliau ialah Nazam Pertunangan (101), Nazam Pemasyuran Adat Naning (150), Nazam Majlis Cukur Jambul (160), Nazam Menjaga Adat (254), Nazam Malam Berinai (257), Nazam Kalau Dah Jodoh (268), Nazam Kenduri Beradat Parlimen Tangga Batu (281), Nazam Kenduri Adat DUN Lendu (291) dan Nazam Berkorjan Adat Naning (322). Antara contoh nazam ciptaan Allahyarham Tuan Haji Muhammad Abdullah ialah seperti berikut:

### **Nazam Pertunangan**

*Dengan nazam hamba cerita kisah ini,  
Pada si bujang untuk mencari bakal isteri.*

*Yang pertama pilihan hati mana berkenan,  
Mesti lihat yang kedua pada keturunan.*

*Bukan saja paras rupa cantik rupawan,  
Perangai elok tidak pula yang banyak teman.*

*Pihak teruna tidak suka hidup membujang,  
Menghantar wakil cuba-cuba pergi memining.*

*Pada lelaki ibarat jadi seekor kumbang,  
Akan menyeri pada bunga yang sedang kembang.*

*Majlis bertunang ibu bapa berbesar hati,  
Akan menyambut kedatangan pihak lelaki.*

*Tamu datang hidangan pula akan disaji,  
Yang bertunang sebetuk cincin sarung dijari.*

*Masa bertunang baik lelaki atau perempuan,  
Harus dijaga gerak geri dan pergaulan.*

*Dalam bertunang memang sekali banyak dugaan,  
Takut-takut akan terputus di tengah jalan.*

.....  
.....

### **Nazam Majlis Cukur Jambul**

*Wahai sekalian kaum Muslimin dan Muslimat,  
Kita semua dari golongan umat Muhammad.*

*Segala apa anjuran majlis hendak dibuat,  
Memohon restu dari Allah supaya berkat.*

*Majlis dibuat tanpa ada sifat riak,  
Tanda bersyukur suami isteri mendapat anak.*

*Cukur jambul akan dibuat masih kanak-kanak,  
Lebih afdal buat akikah tak boleh tidak.*

*Cukur jambul pada yang lazim dibuat orang,  
Beras kunyit kelapa dipotong bersilang-silang.*

*Isi ditalam serta dengan gunting sebatang,  
Ayah mendukung ahli waris menatang dulang.*

*Kalimah selawat yang dibaca memuji Nabi,  
Bayi didukung dari menangis terus berhenti.*

*Beras ditabur air dicecah di atas dahi,  
Doa dibaca bila besar dimurahkan rezeki.*

*Majlis begini dipanggil orang cukur jambul,  
Jangan ada unsur syirik yang akan timbul.*

*Dalam majlis wajib bersongkok jangan bergondol,  
Perkara ini pandangan adat sudah tak betul.*

.....  
.....

### **Nazam Berkojan Adat Naning**

*Menurut dari Adat Papatih Majlis Berkojan,  
Memberitahu generasi sekarang tentang warisan.*

*Adat Naning dari dahulu yang kami nampak,  
Menjaga adat tertakluk kepada Undang Luak.*

*Pembesar Mukim akan bergelar sebagai Buapak,  
Merangkul sekali hukum hakam adat dan syarak.*

*Mengamalkan adat tidak tertakluk suatu jajahan,  
Yang mana tinggal sempadan dengan Negeri Sembilan.*

*Di negeri Melaka adat Papatih masih diteruskan,  
Dari Lendu hingga sampai ke Bukit Asahan.*

*Dua tahun lepas kumpulan Nazam masih ingat,  
Daulat Naning telah diisytihar Hari Keramat.*

*Ke bawah Kaus sempena pengisytiharan suatu istiadat,  
Tarikh berlangsung 10 Julai 2004*

.....  
.....

Nazam berkaitan bahasa Melayu dan program Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) yang berjuang memartabatkan sosio budaya dan ekonomi Melayu Serumpun serta pengalaman beliau hadir program Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) seperti Nazam Bahasa Serumpun (189), Nazam Majlis Perasmian Konvensyen Dewan Bahasa (255), Nazam ke Pontianak (293), Nazam Budi Bahasa Budaya Kita (332), Nazam DMDI ke Terengganu (336), Nazam Lawatan ke Riau (338), Nazam DMDI ke Tanjung Pinang (342), Nazam DMDI ke Johor Bahru (357) dan Nazam Sempena Lawatan ke Siak (339). Berikut merupakan contoh-contoh karya Allahyarham Tuan Haji Muhammad Abdullah:

### **Nazam Lawatan ke Riau**

*Dengan Nazam hamba cerita kisah ini,  
Rakyat Melaka rakyat Riau bersatu hati.*

*Assalamualaikum apa khabar orang di Riau,  
Kedatangan kami bapak ibu janganlah risau.*

*Niat dihati bukan untuk membuat kacau,  
Menyambung kasih rumpun Melayu dua serantau.*

*Resam hidup adat budaya hampir serupa,  
Pinang meminjau antara perawan dengan jejaka.*

*Terlebih dahulu mohon restu ibu dan bapa,  
Bagi si anak mengatur hidup berumahtangga.*

*Dah kami pandang dah kami renung serta diimbas,  
Memangnya renggang dua budaya masa yang lepas.*

*Dengan adanya daya usaha dari Pak Tenas,  
Tumbuh segar budaya serantau mula bertunas.*

*Budaya nazam di negeri Melaka hamper nak ghaib,  
Kumpulan kami telah mengambil satu inisiatif.*

*Berganding rapat Pengerusi ISMMA Datuk Latiff,  
Sekarang bersinar tidak lagi terkelip-kelip.*

.....

.....

Sebagai Ketua Kampung, Allahyarham Tuan Haji Muhammad Abdullah turut menghasilkan nazam tentang peranan dan gerakan yang perlu dimainkan pemimpin untuk kepentingan masyarakat di Melaka seperti Nazam Peranan Sidang (139), Nazam Peranan M.C.A (133), Nazam Peranan Jabatan Pengangkutan Jalan (157), Nazam Peranan Lembaga Adat (352) dan sebagainya.

### **Nazam Peranan Sidang**

*Dengan nazam hamba cerita kisah ini,  
Peranan Sidang dari dulu sampai kini.*

*Jawatan Sidang Perlembagaan Melaka ada tersurat,  
Ketika itu Sidang berjasa dalam masyarakat.*

*Perintah British Perintah Jepun telah sepakat,  
Tugas diberi kepentingan Melayu punya adat.*

*Dari dulu jawatan Sidang yang kami lihat,  
Sungguh pun ada pada persatuan tapi tak kuat.*

*Walaupun glamor pada nama Pegawai adat,  
Elaun diterima nak kumpul harta memang tak dapat.*

*Zaman Jepun peranan Sidang memang hebat,  
Ke mana sahaja Sidang pergi orang hormat.*

*Bila merdeka perintah Melayu mengambil tempat,  
Semenjak itu peranan Sidang mula tergugat.*

*Ketika itu selepas Merdeka tahun 60-an,  
Tugas Sidang umpama macam orang suruhan.*

*Bila Parti dalam memerintah Kerajaan wujudkan,  
Titik mula JKKK mainkan peranan.*

*Sebuah kampung UMNO cawangan menubuhkan parti,  
Akan dipilih di kalangan interlek sebagai Pengerusi.*

*Di kalangan Sidang jika tidak melibatkan diri,  
Akan tersisih dari kalangan semua ahli.*

.....  
.....

Muhammad turut menghasilkan nazam yang bertemakan perjuangan dan menyambut ulang tahun sesuatu pertubuhan seperti pertubuhan yang penting di tanah air kita khususnya di Melaka seperti Nazam Perjuangan UMNO (1), Nazam Kisah Negeri Melaka (8), Nazam Melaka Bandar Raya Bersejarah (9), Nazam Bandaraya Alor Gajah (12), Nazam Kampung Bukit Meta (15), Nazam Menyambut Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka (145), Nazam Mesyuarat Agong Kastam (179), Nazam Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (181), Nazam Perhimpunan Agong (188) dan sebagainya. Antara hasil ciptaan beliau ialah seperti berikut:

### **Nazam Menyambut Yang di-Pertua Negeri**

*Ikrar amanah dilafaz penuh ikhlas hati,  
Perdana Menteri, Ketua Menteri menjadi saksi.*

*Kami memohon dengan penuh rendah diri,  
Dapat bernaung dibawah payung Yang di-Pertua Negeri,*

*Sungguhpun Melaka dalam Malaysia negeri kecil,  
Rakyatnya pintar macam seperti seekor kancil.*

*Bila mengagih semua pegawai bertindak adil,  
Pada sahsiah tentang politik tetap stabil.*

*Negeri berkat dapat rahmat dari Allah,  
Berkat pemimpin yang menurut Sunnatullah.*

*Menurut hukum menurut adat setiap langkah,  
Pemimpin elok sentiasa saja menjaga maruah.*

.....  
.....

### **Nazam Kampung Bukit Meta**

*Wahai sekalian penduduk kampungku,  
Marilah kita bersatu padu.*

*Hidup sepakat semenjak dahulu,  
Hingga jiran berasa malu.*

*Kampung halaman Bukit Meta,  
Masyarakat elok seia sekata.*

*Masalah timbul hadapi bersama,  
Walau apa musibah menimpa.*

*Dari zaman Sidang Kudrat,  
Apa kerja semua sepakat.*

*Segala hajat semuanya dapat,  
Hanya menunggu lambat dan cepat.*

*Allah Allah Azawajal Tuhan Kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Cerita benar kami reka nazam ini,  
Memberitahu generasi masa kini.*

.....  
.....

### **Nazam Perhimpunan Agong**

*2004 perhimpunan Agong UMNO menarik sekali,  
Diberi peluang memilih pada pimpinan parti.*

*3 orang Naib Presiden sudah diketahui,  
25 orang dilantik menyandang Majlis Tertinggi.*

*Di atas ucapan Yang Berhormat Datuk Seri Abdullah Badawi,  
Membuat saranan bertindak sebagai Perdana Menteri.*

*Ucapan dasar Perhimpunan UMNO di PWTC,  
Menyeru rakyat supaya menghayati Islam Hadhari.*

*Saranan ini menarik minat semua perwakilan,  
Menitik berat golongan petani dan juga nelayan.*

.....  
.....



Allahyarham Tuan Haji Muhammad Abdullah turut menghargai peranan yang dimainkan oleh pemimpin negara yang dipaparkan di dalam nazam ciptaannya seperti Nazam Khas untuk Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia (17), Nazam Kisah Ketua Menteri Melaka (18), Nazam Perdana Menteri Baru (49), Nazam Pemerintah Negeri Melaka (95) dan Nazam untuk pemimpin terdahulu (347). Di samping itu, beliau banyak menghasilkan nazam yang bertemakan nasihat kepada pemimpin dan rakyat negeri Melaka khususnya kepada orang Melayu bagi melahirkan warganegara yang cinta kepada bangsa, agama dan negara seperti Nazam Perpaduan (2), Nazam Cintakan Negara (3), Nazam Kisah Negara (7), Nazam Sayangku Ibu Bapa (19), Nazam Suami Isteri (23), Nazam Mengenang Budi (39), Nazam Jangan Derhaka (41) dan Nazam Hidup Berjiran (43). Di antara contoh-contoh karya beliau adalah seperti berikut:

### **Nazam Kisah Ketua Menteri Melaka**

*Di bawah pimpinan Datuk Mohd Ali Rustam,  
Mendamping rakyat tak kira siang atau malam.*

*Semua pegawai semua Pengarah tak duduk diam,  
Para peniaga jaga kedai jangan bau masam.*

*Hasrat beliau negeri Melaka biar indah,  
Tidak mahu dalam bandar banyak sampah.*

*Pada penduduk jangan buang bersepah-sepah,  
Bukan pelancong kita sendiri rasa menyampah.*

*Dalam bandar banyak sekali orang berniaga,  
Kebersihan sama-sama kita menjaga.*

*Kedai makan yang ditumpu paling utama,  
Kalau kotor orang nak makan tiada selera.*

.....  
.....

Allahyarham Tuan Haji Muhammad Abdullah turut merakamkan keluhan rakyat dan perasaan setiap insan dalam menghadapi cabaran kehidupan melalui nazam seperti Nazam Suara Hati DUN Telok Mas (163), Nazam Jangan Menipu Diri (166), Nazam Rintihan Hati Datuk Sidang (169), Nazam Menunggu Mati (173), Nazam Menurut Hati (191), Nazam Bekalan Diri (286) dan Nazam Mengenang Jasa Ibu (288). Antara contoh nazam ciptaan beliau ialah:

### **Nazam Rintihan Hati Datuk Sidang**

*Dengan nazam kami bawa rintihan hati,  
Peranan Sidang dari dulu sampai kini.*

*Bergelar Datuk sudah ada jawatan disandang,  
Bukan pangkat bukan gelaran yang kami pandang.*

*Saraan hidup harapan kami biar seimbang,  
Terlalu bangsat ganjaran diberi kepada Sidang.*

*Sebelum merdeka jawatan Sidang telah dilantik,  
Memilih pada seorang calon berbudi baik.*

*Gelaran Datuk hamba fikir sememangnya molek,  
Apakan daya duit tak ada di dalam kocek.*

*Sudah hampir setengah abad negara merdeka,  
Pendapatan Sidang dari dulu tidak berubah.*

*Tugas jawatan makin hari makin bertambah,  
Dari merisik bertunang – lanang sampai bernikah.*

.....  
.....

Nazam yang bertemakan parti politik, pilihanraya turut mendapat perhatian Allahyarham Mohamad Abdullah seperti Nazam Pilihan Raya (112), Nazam Hari Mengundi (113), Nazam Menang Bertanding (114), Nazam Masa Kempen (115), Nazam Penyokong PAS dan UMNO (116), Nazam BN Berjaya (118), Nazam Barisan Nasional (94) dan Nazam Peranan MCA (135).

### **Haji Mohd Yasin bin Ahmad**

Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin bin Ahmad adalah seorang tokoh nazam di Melaka yang prolifik sejak tahun 1990an. Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA) telah memainkan peranan penting dan menjemput beliau menulis dan mendendangkan nazam di majlis-majlis rasmi dan program yang diselenggarakan oleh ISMMA seperti Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam, Lembaga Bahasa Melayu Melaka, Majlis Kebudayaan Negeri Melaka dan sebagainya.

Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin Ahmad dilahirkan pada 15 Mei 1947 di Serkam, Melaka dan telah menghasilkan tidak kurang dari 60 buah nazam dan karya beliau ini telah diterbitkan dalam bentuk buku oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan

Kebangsaan (ASWARA) pada Mac 2013 bertajuk *Koleksi Nazam Asli dan Kontemporari Negeri Melaka*.

Dalam kajian ini, penulis dapat meletakkan Mohd Yasin sebagai tokoh penggerak budaya yang kreatif dan prolifik dalam memartabatkan nazam sebagai warisan puisi Melayu dan jati diri Melaka. Di samping itu, beliau memimpin Persatuan Dondang Sayang Melaka dan Persatuan Seni Lukis Negeri Melaka serta menjadi Naib Pengerusi Majlis Kebudayaan Negeri Melaka. Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin Ahmad mempunyai kebolehan dan kekuatan mencipta nazam berdasarkan sesuatu majlis yang dirangkaikan oleh pihak penganjur. Biasanya beliau diundang mencipta dan mendendangkan nazam di majlis-majlis rasmi seperti Majlis Perasmian Seminar Warisan Melayu Serumpun pada 5 Oktober 2004 dan Seminar Keris Melayu Dalam Warisan Tamadun Dunia pada 15 Ogos 2004 serta majlis pertunangan atau perkahwinan dan sebagainya.

Karya nazam Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin bin Ahmad penuh dengan ilmu pengetahuan, pengalaman, kajian dan tafsiran yang mendalam tentang sesuatu majlis atau program yang dianjurkan oleh penganjur. Peranan beliau mencipta dan mendendangkan nazam di sesuatu majlis amat membantu usaha Kerajaan Negeri Melaka dalam memartabatkan nazam puisi warisan dan jati diri rakyat di negeri Melaka. Jasa beliau dalam memartabatkan nazam di negeri Melaka amat besar dan beliau turut menjadi guru, pembentang kertas kerja yang dianjurkan oleh ISMMA, Majlis Kebudayaan Negeri Melaka dan sebagainya. Sebagai tanda penghormatan dan tokoh nazam di Melaka, Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin bin Ahmad telah dilantik menjadi karyawan tamu di ASWARA pada tahun 2012 dan telah menerbitkan karya nazam beliau dalam bentuk buku dan dianugerahkan sebagai Tokoh Penggerak Budaya Negeri Melaka pada tahun 2008 dan Anugerah Penggerak Seni Budaya oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara pada tahun 2013.

Sebagai tokoh nazam di Melaka, Allahyarham juga turut menjadi informan kepada pelajar dan mahasiswa di institusi pengajian tinggi mewawancara dan menerbitkan artikel mengenai nazam di Melaka seperti yang dilakukan oleh mahasiswa di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya pada tahun 1999. Artikel pelajar tersebut bertajuk "Nazam: Satu Kajian Terhadap Koleksi Tuan Haji Mohd Yasin Ahmad di Melaka", diterbitkan dalam buku *Media Warisan Malaysia*, terbitan Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 1999. Allahyarham telah meninggal dunia pada 15 April 2013.

Antara nazam ciptaan Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin Ahmad ialah Nazam Perpisahan sempena persaraan Datuk Haji Yaakob bin Ideris, Pengarah Peperiksaan,

Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga persaraan Tuan Haji Mohd Raus bin Md Sam, Pemangku Pengarah Pelajaran Negeri Melaka 12 September 2005.

Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin telah dijemput menulis dan mendendangkan nazam di majlis–majlis rasmi Kerajaan Negeri Melaka seperti Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam seperti Nazam Selamat Datang sempena Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam tahun 2000 di Melaka, Nazam Selamat Datang sempena Majlis Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur di Perkampungan Seni Muara Sungai Duyung, Melaka pada 21 Ogos 2004 dan Nazam Bahasa Jiwa Bangsa sempena Seminar Warisan Puisi Melayu Serumpun di Auditorium Masjid Al-Azim, Melaka pada 5 Oktober 2004.

Di samping itu, Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin Ahmad juga turut diundang untuk menulis dan mendendangkan nazam ciptaannya di majlis–majlis perasmian seminar atau pertemuan yang berkaitan seni budaya seperti Nazam Pertemuan Nusantara sempena Festival Kesenian Indonesia II (2001) di Sekolah Tinggi Seni Indonesia, Padang Panjang, Sumatera Barat pada 1 September 2001, Nazam Perkahwinan sempena Majlis Perasmian Seminar Adat Perkahwinan di Melaka pada 6 September 2001, Nazam Bahasa Jiwa Bangsa sempena Majlis Perasmian Seminar Membanteras Bahasa Rojak di Hotel Legacy, Melaka pada 8 Julai 2004 dan Nazam Bercukur sempena Majlis Cukur Jambul cucu kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 10 Ogos 2004. Antara contoh-contoh hasil ciptaan Allahyarham ialah seperti berikut:

### **Nazam Bercukur**

*Allah hummasalli wasallim wabaarik ‘alaiyih.*

*Allah, Allah ‘Azawajal tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Dengan selawat kami mula nazam ini,  
Agar ceria tambah berseri majlis ini.*

*Kami nama nazam ini adat bercukur,  
Pada Allah kami serah tanda bersyukur.*

*Adat ini kami sambut dengan ceria,  
Sebagai tanda baru dapat cahaya mata.*

*Pada Allah hanya tempat kami berserah,  
Untuk memikul tanggungjawab serta amanah.*

*Amanah Allah jika dijaga dengan baik,  
Bila besar pasti jadi anak yang baik.*

.....

.....

### **Nazam Pertemuan Nusatara**

*Allah, Allah 'Azawajal tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Kami nama nazam ini pertemuan,  
Pertemuan awal bagi semua para seniman.*

*Dari jauh dari dekat semua yang datang,  
Bertemu muka dan berbincang di Padang Panjang.*

*Allah, Allah 'Azawajal tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Semua yang hadir berbicara tentang seni,  
Semoga dapat kata sepakat semua di sini.*

*Kerjasama dan pakatan yang kami pohon,  
Supaya sama kita bangkit, kita bangun.*

.....

.....

### **Nazam Bahasa Jiwa Bangsa**

*Allahum masalli wasallim wabaarik 'alaiyih.*

*Allah-Allah 'Azawajal Tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Selamat datang kepada semua yang budiman,  
Agar Allah memberkati perbincangan.*

*Bahasa Melayu bahasa kita yang tercinta,  
Sama-sama kita pelihara bahasa kita.*

*Orang kata bahasa itu jiwa bangsa,  
Kalau rosak bahasa kita yang binasa.*

*Bahasa rojak perlu segera dibenteras,  
Jangan lengah kita halang dengan keras.*

*Dengan bahasa orang kenal bangsa kita,  
Seperti buah baru kenal nama pokoknya.*

.....  
.....

### **Nazam Pengantin Baru**

*Allahummasalli wasallim wabaarik 'alaiyih.*

*Allah-Allah 'Azawajal tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Kami nama nazam ini pengantin baru,  
Moga tuhan beri berkat beri restu.*

*Sanak saudara sahabat andai bersuka ria,  
Dalam majlis sungguh indah lagi bahagia.*

*Atas pelamin dua sejoli duduk bersanding,  
Hati berdebar sambil duduk sambil menjeling.*

*Sama cantik sama padan ketawa pula,  
Tidak ubah seperti pinang dibelah dua.*

*Kita mohon dari Tuhan Yang Maha Esa,  
Moga mereka hidup bahagia setiap masa.*

.....  
.....

### **Nazam Bahasa Rojak**

*Allahum masalli wasallim wabaarik 'alaiyih.*

*Allah-Allah 'Azawajal Tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Selamat datang kepada semua yang budiman,  
Agar Allah memberkati pertemuan.*

*Pertemuan ini amat bermakna pada semua,  
Sempena bulan yang utama bulan bahasa*

*Bahasa kita yang tercinta bahasa Melayu,  
Mari kita sama-sama ambil tahu.*

*Kita jaga kita pelihara sama-sama,  
Walau bahasa kita baru atau lama.*

*Bahasa Melayu sedang dicemar tatkala ini,  
Kita jangan duduk diam senyap sunyi.*

*Bahasa rojak perlu segera dibenteras,  
Jangan lengah kita halang dengan keras.*

*Jangan malu jangan segan wahai rakan,  
Berdiri teguh jatidiri mesti tegakkan.*

.....

.....

### **Nazam Selamat Datang**

*Allah hummasalli wasallim wabaarik 'alaiyih.*

*Allah, Allah 'Azawajal Tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Selamat datang saya nama nazam ini,  
Untuk semua para tetamu malam ini.*

*Selamat datang ke Melaka negeri sejarah  
Apa dilihat semua cantik semua indah.*

*Kalau nampak ada rosak ada cacat,  
Harap-harap jangan rakam jangan catat.*

*Apa yang cacat akan kami perbetulkan,  
Apa yang rosak akan kami perbaiki.*

*Melaka kini sudah maju dan berubah,  
Rakyat suka serta makmur berhati tabah.*

.....

.....

### **Nazam Perpisahan**

**(Sempena Persaraan Tn. Hj. Mohd Raus bin Md Sam**

**Pemangku Pengarah Pelajaran Negeri Malaysia 12 September 2005)**

*Allah hummasalli wasallim wabaarik 'alaiyih.*

*Allah, Allah 'Azawajal tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Tahun 49 lahir seorang di Kampung Kandang,  
Antara jumlah anak-anak sebelas orang.*

*Anak lelaki Mohd Raus diberi nama,  
Darah campuran antara Bugis dan darah Jawa.*

*Ibunya Aminah ayahnya pula Hj. Md. Sam,  
Nak besarkan anak buat kerja bermacam-macam.*

*Jadi warden, polis AC dan berniaga,  
Tidak resah tidak letih putus asa.*

*Terus berusaha tidak hirau sakit pening,  
Sembilan anak telah berjaya ke menara gading.*

*Allah, Allah 'Azawajal tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Berkat tekun, rajin belajar dan usaha,  
Haji Raus lulus semua uji periksa.*

.....

.....

### **Nazam Pertemuan**

#### **(Sempena Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam 2001)**

*Allah, Allah 'azawajal tuhan kami,  
Kami minta ampun akan dosa kami.*

*Kami nama nazam ini pertemuan,  
Sempena konvensyen dua dunia diadakan.*

*Bijak pandai jauh dekat semua datang,  
Bukan melawat, bukan jalan tapi berbincang.*

*Malam ini amat bersejarah dan bertuah,  
Moga apa yang dihajat, diberkati Allah.*

*Tuan-tuan, puan-puan perlu ingat,  
Kita mohon dari Allah supaya berkat.*

*Kita bincang bukan untuk mencari nama,  
Tapi mengenal asal usul dari mana.*

*Harus fikir nasib Melayu dari sekarang,  
Supaya nanti kita tidak dicaci orang.*



*Kita mohon dari Tuhan siang malam,  
Melayu tersebar seluruh dunia seperti Islam.*

.....  
.....

## **HASIL PENYELIDIKAN**

1. Penyelidikan Puisi Nazam di Melaka ini penting kerana sebelum ini belum pernah dibuat satu koleksi dan analisis tentang tiga orang tokoh yang telah memainkan peranan penting dalam sejarah perkembangan nazam di Melaka.
2. Berdasarkan koleksi hasil karya tiga orang tokoh nazam di Melaka (1920-1912), dapatlah kita meletakkan kepada 2 jenis nazam di Melaka, iaitu nazam asli yang berdasarkan tema tentang agama Islam dan nazam semasa kontemporari yang bertemakan peristiwa atau kisah yang berkaitan semasa.
3. Selain dari tokoh nazam yang dikaji, terdapat juga penggiat-penggiat nazam di Melaka seperti Mohd. Azli Bachik, Mohamad Taim, Sdr. Abdul Rahim (PENAMA), pelajar nazam dari Institut Seni Malaysia Melaka dan Hajah Ramlah yang turut memberi sumbangan terhadap perkembangan nazam di Melaka.
4. Pada awal tahun 2000an, Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Kebudayaan Negeri Melaka telah mengiktiraf nazam sebagai warisan dan jati diri Seni Budaya Negeri Melaka. Di samping itu, telah mengiktiraf dendangan nazam disampaikan kepada dua versi iaitu versi Tanjung Bidara (agak perlahan) dan versi Serkam (agak pantas). Nazam ditulis dalam dua baris dan di setiap baris membawa makna atau maksud yang berkaitan dan tersendiri.
5. Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA) diberi tanggungjawab dan memainkan peranan penting memperkembangkan nazam di Melaka sejak awal tahun 2000an serta menyokong kuat kepada tokoh yang memperkembangkan nazam seperti Haji Muhamad Abdullah dan Haji Mohd Yasin Ahmad.
6. Kerajaan Negeri Melaka telah menggalakkan dendangan nazam di permulaan majlis di samping membaca doa selamat.
7. Anak kepada Allahyarham Haji Muhamad Abdullah, Sdr. Jais telah memberi kepercayaan kepada penyelidik untuk menghimpunkan sebahagian besar koleksi nazam karya bapanya agar ia dapat diterbitkan selepas kajian ini dijalankan.
8. Hasil dari penyelidikan ini, kita boleh menerbitkan Koleksi Nazam di Melaka dalam bentuk buku untuk pengajaran, nasihat dan panduan kepada pembaca.

9. Hasil dari koleksi dan analisis awal penyelidikan ini boleh dijadikan panduan dan galakan kepada para penyelidik untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah M.A. dan Doktor Falsafah.
10. Penyelidikan ini penting dan ia adalah satu sumbangan yang berharga kepada negara dalam usaha UPSI memartabatkan peradaban Melayu melalui puisi nazam di Melaka.

## **KESIMPULAN**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Puisi Nazam yang diperkembangkan di Melaka telah menjadi warisan seni budaya dan kekuatan jati diri rakyat negeri Melaka. Kini, Puisi Nazam di Melaka terkenal dengan reka cipta dari tokoh nazam berkaitan dengan peristiwa atau isu semasa yang berkaitan sumbangan rakyat dalam pembangunan di negeri Melaka. Tokoh-tokoh yang melopori nazam di Melaka seperti Haji Ahmad Abdul Rauf, Haji Muhammad Abdullah dan Haji Mohd Yasin Ahmad tetap dikenang jasanya dalam memartabatkan dan memperkembangkan nazam di Melaka. Kerajaan Negeri Melaka, melalui ISMMA menjadikan Nazam sebagai agenda penting dalam memartabatkan jati diri di Melaka.

## RUJUKAN

- Abdul Latiff Abu Bakar, 1987. *Puisi– Puisi Kebangsaan 1913-1957*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar & Mohd Nefi Imran, 1999. *Media Warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar & Mohd Nefi Imran, 2001. *Media Warisan Malaysia. Komunikasi Melalui Puisi dan Gendang*. Kuala Lumpur Jabatan Pengajian Media.
- Abdul Latiff Abu Bakar, 2004. *Syarahana Perdana: Inaugural Lecture : Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia*. Universiti Malaya: Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad, 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussain, Mohd Thanu Ahmad & Johan Jaaffar, 2006. *Sejarah Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh, 1997. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 1934, 1962, 2002. *Ilmu Mengarang Melayu : Edisi Ejaan Rumi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hasan, 1949. *Puisi Melayu Tradisional: Pantun, Syair, Gurindam, Nazam, Seloka*. Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.